

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية
سليمانية

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 33: 25 Ogos 2025



Penyertaan Empat Bersaudara Serikan Golf Amal Alumni 2025

A'Famosa, 23 Ogos - Pusat Alumni UPSI sekali lagi berjaya menganjurkan kejohanan Golf Amal bertempat di A'Famosa Golf & Country Club yang disertai oleh hampir 100 pemain golf yang terdiri dari pengurusan tertinggi UPSI, penaja, rakan strategik dan alumni dari empat era (SITC, MPSI, IPSI dan UPSI). Sebelum ini kejohanan yang sama pernah di dianjurkan di Pulau Pinang pada tahun 2019 yang berjaya menarik dan mengumpulkan beberapa tajaan dan hasil jualan lelong termasuk *putter* kesayangan TYT Pulau Pinang pada masa tersebut. Hasil kutipan sumbangan dan tajaan tersebut membolehkan Pusat Alumni berjaya membina perhentian bas berbumbung yang telah siap dan sudah beroperasi sepenuhnya. Lokasinya terletak bersebelahan Padang Kawad di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Menurut Naib Canselor semasa ucapan aluan sebaik selesai kejohanan Golf Amal ini "Pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Alumni

ini bukan sekadar pertandingan biasa, sebaliknya menjadi medan untuk menjalinkan silaturahim antara pihak universiti, penaja-penaja, rakan strategik dan alumni untuk sama membangunkan UPSI pada masa-masa akan datang." Hasil kutipan dan tajaan yang diterima nanti akan digunakan untuk membeli sebuah bas yang akan disumbangkan kepada Sekolah Budiman, sekolah bertaraf antarabangsa yang di uruskan oleh UPSI dibawah anak syarikatnya UHSB.

Kejohanan Golf kali ini diserikan lagi dengan kehadiran alumni yang pernah menjawat jawatan Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Dr. Sani Madon. Kini beliau sudah beberapa tahun bersara hadir menyertai kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Alumni bersama dengan tiga lagi adik beradiknya iaitu Datuk Mohammad Madon, 84 tahun, Haji Mohd Natar Madon, 77 tahun dan Haji Mohd Nasir Madon, 69 tahun. Kejohanan yang di bahagikan kepada tiga kategori VIP, terbuka dan Alumni. Selain dari tiga hadiah utama mengikut kategori ini, penganjur juga menyediakan hadiah sebuah kereta SUV Elektrik Zeekr X tajaan Zeekr Carro sekiranya terdapat pemain yang berjaya melakukan pukulan *Hole in One* di lubang yang ke-2, Rocky Course.

Mantan Pengarah Pusat Alumni, Prof. Dr. Mohd Izwan Shahril berjaya merebut tempat kedua, kalah tipis dengan pemenang tempat pertama yang dimenangi oleh Ahmad Tarmizi Al Shaari bagi kategori alumni. Bagi Kategori VIP tempat pertama dimenangi oleh Prof. Dr. Norkhalid Salimin yang juga TNC HEPA manakala kategori terbuka, pemain yang tidak asing lagi Nordin Yahya berjaya memenangi tempat pertama. Kejohanan kali ini turut disertai oleh Dato' Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI dan Dato' Seri Abdul Puhat Mat Nayan Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI Holding.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



www.ups.edu.my



UPSIMalaysia



upsi_malaysia



upsi_malaysia



UPSI_Malaysia



UPSI Terima Sumbangan Zakat Korporat RM36,005.73 Daripada UAC Berhad

Tanjong Malim, 20 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) menerima sumbangan zakat korporat berjumlah RM36,005.73 daripada UAC Berhad, anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), pada satu majlis ringkas di Bangunan Canselor UPSI, kelmarin.

Bendahari UPSI, Mohamad Najib Mohamed berkata, sumbangan itu bertujuan mewujudkan Dermasiswa Khas WEZAS@UAC Berhad yang bakal ditawarkan kepada anak-anak veteran Angkatan Tentera yang sedang melanjutkan pengajian di UPSI. Menurut beliau, inisiatif itu amat bermakna kerana mampu memberi peluang pendidikan kepada golongan pelajar yang memerlukan.

“UPSI amat menghargai sokongan UAC Berhad kerana melalui dermasiswa khas ini, anak-anak

pesara tentera bukan sahaja mendapat bantuan kewangan tetapi juga sokongan moral untuk meneruskan pengajian dengan lebih yakin. “Kami percaya sumbangan ini akan menyuntik semangat pelajar untuk terus berjaya, sekali gus membuktikan bahawa kebajikan mereka sentiasa diberi perhatian,” ujar beliau.

Majlis serahan disempurnakan oleh Pengurus Besar, Pengurusan Kerajaan, Kawal Selia dan Pemegang Taruh UAC Berhad, Mohd Najib Mohd Seth. Mohd Najib berkata, pihaknya berbesar hati dapat menyalurkan zakat korporat kepada UPSI melalui WEZAS kerana yakin universiti itu mempunyai mekanisme yang telus dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar. “Sebagai anak syarikat LTAT, kami sentiasa prihatin terhadap kebajikan veteran Angkatan Tentera dan keluarga mereka.

Kuartet 4x100m Wanita UPSI Pecah Rekod

Sintok, 20 Ogos - Kuartet 4x100 meter (m) wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melakar kejayaan berganda di Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) Sirkuit 3 2025 apabila bukan sahaja merangkul kilauan pingat emas bahkan turut mencipta rekod baharu kejohanan bagi acara tersebut.

Kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) menyaksikan kuartet yang terdiri daripada Mis'ezatul Shafieqa Sapawi, Nurul Wardatul Huwaida Mohd Hamka, Nor Anis Maisarah Mohamad Noor dan Nurul Wafa Annisa Mohd Hamka berhasil menamatkan larian dengan catatan masa 47.67 saat (s) mengatasi rekod terdahulu, 48.47s, milik Universiti Putra Malaysia (UPM) Bukan itu sahaja, kejohanan yang berlangsung

selama tiga hari bermula 15 hingga 17 Ogos itu memperlihatkan kontinjen olahraga UPSI menamatkan saingan selaku naib juara keseluruhan dengan pungutan 31 pingat merangkumi 10 butir emas, 11 butir perak dan 10 butir gangsa. Antara yang menyumbang kepada pungutan pingat itu adalah pelari pecut, Danish Iftikhar yang menjuarai acara pecut 100m dengan catatan masa 10.43s dan dominasi sepenuhnya UPSI dalam acara lompat jauh lelaki menyapu pingat emas, perak dan gangsa. Kejohanan itu melabuhkan tirainya dengan 20 atlet UPSI tersenarai untuk mewakili Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) ke Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) ke-10 yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru, dari 1 hingga 7 September kelak.



Penyelidik UPSI Perkenal E-LOUNIA 2.0: Belajar Matematik Cara Seronok

Matematik sering dianggap sebagai subjek yang sukar dan membosankan namun sekumpulan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya mengubah persepsi itu melalui aplikasi permainan mudah alih E-Lounia 2.0.

Diketahui oleh Profesor Madya Dr. Siti Rahaimah Ali, bersama rakan penyelidik Profesor Madya Dr. Norwaliza Abdul Wahab, Encik Haji Abu Bakar Yusuf dan Syaheela Atikah Hashmi, inovasi ini dibangunkan khas untuk membantu murid menguasai kemahiran numerasi dengan cara lebih menyeronokkan.

Idea ini bermula pada 2014 melalui pembangunan Model Peringkat Kefahaman Numerasi, yang pernah memenangi pingat perak di MTE 2016. Model tersebut kemudiannya diterjemahkan kepada Fun Learning Kits dan modul pembelajaran yang meraih pingat

emas ITEX 2018. Dari situ, tercetuslah idea menghasilkan versi digital pertama iaitu E-Lounia 1.0, yang digunakan semasa tempoh pandemik COVID-19.

“Tujuan utama kami ialah menjadikan matematik tidak lagi ditakuti. Dengan adanya permainan interaktif, murid boleh belajar sambil bermain, guru pula lebih mudah mengenal pasti tahap penguasaan pelajar,” kata Dr. Siti Rahaimah.

Kini, E-Lounia 2.0 tampil lebih mantap dengan 40 jenis permainan iaitu sepuluh permainan bagi setiap peringkat kefahaman numerasi. Setiap permainan boleh diakses melalui pautan digital dengan harga mesra pengguna iaitu RM1.00 dan bakal dijual di platform seperti Shopee dan media sosial.

Lebih menarik, aplikasi ini memberi fokus kepada murid yang memerlukan perhatian khas seperti pelajar Sekolah dalam

Hospital (SDH), sekolah orang asli, sekolah gelandangan, selain sekolah rendah di bandar dan luar bandar. Ia juga berpotensi digunakan di sekolah integriti, sekolah K-9 dan Community Learning Centre (CLC) untuk kanak-kanak orang asli malah turut disasarkan ke pasaran antarabangsa.

Kejayaan E-Lounia turut diiktiraf melalui pelbagai anugerah berprestij. Antaranya pingat emas di MTE 2024, pingat perak di ITEX 2025, pingat emas di K-Inovasi 2025, selain mengharumkan nama negara di WYSII 2025 Medan apabila meraih Top 10 Leadership, Diamond, Emas dan Top 5 kategori inovasi.

Dengan pencapaian ini, UPSI terus membuktikan peranannya sebagai peneraju dalam bidang pendidikan sekali gus menyumbang kepada usaha memperkaya sumber pembelajaran digital untuk generasi masa depan.

